

# 'GTA tidak lagi berfungsi'

**KUBANG PASU:** Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan beliau kini tidak lagi mengetuai Gerakan Tanah Air (GTA) sebagai Pengerusi kerana gerakan berkenaan diakuinya sudah tidak berfungsi.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, GTA juga tidak pernah berdaftar selama ini dan beliau kini bergerak melalui platform Proklamasi Orang Melayu serta tidak terlibat dengan mana-mana parti politik.

Kata beliau, GTA tidak dapat diteruskan kerana gerakan itu bersama Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) tewas di kesemua kerusi Parlimen yang ditandingi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), November lalu.

"Itu lama (Pengerusi), (sekarang) tiada apa dah. GTA tak menjadi, tak dapat tolong kita kerana dia parti. Kita dapati kalau sebagai parti kita tak boleh menang. Kita dah lawan dalam PRU15, GTA dan Pejuang kalah 125 kerusi. Jadi nampak sebagai parti kita tak boleh menang.

"Kalau kita nak menang, nak perjuangkan nasib orang Melayu, kita kena dapat sokongan orang Melayu. Sebab itu saya tak kira parti dah, kita bukan ahli parti itu atau parti ini, tidak. Saya cuma orang Melayu yang sedar berkenaan dengan masalah

orang Melayu yang berpendapat bahawa kalau orang Melayu nak selamat diri mereka, mereka mesti bersatu," katanya di sini.

Pada awal Februari lalu, Dr. Mahathir bersama 12 lagi ahli yang lain mengumumkan keluar daripada Pejuang, namun ketika itu mengesahkan masih terlibat dalam arena politik sebagai Pengerusi GTA.

Ketika ditanya platform sebenar menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri, Dr. Mahathir berkata, beliau mempunyai tugas untuk menyedarkan orang Melayu bahawa jika mereka tidak bersatu dan tidak mengetepikan parti, maka akan hilang kedudukan di Malaysia.

"Sekarang ini kita miskin dan akan jadi lebih miskin kalau tak ada kuasa nak selamatkan orang Melayu. Saya sokong semua orang Melayu (pada PRN nanti), bukan parti. Dulu pun saya perjuangkan untuk Melayu, saya sertai UMNO sebab Melayu. Saya (masuk) Bersatu pun kerana Melayu. Perjuangan saya mudah sahaja, saya nak selamatkan Melayu," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir terus mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuktikan beliau memiliki sejumlah wang seperti dinyatakan.